

20/02/1998

Koperasi Didik mahu kumpul RM100j

JOHOR BAHRU, Khamis - MIC berharap dapat mengumpul RM100 juta pada penghujung tahun ini melalui Koperasi Didik Berhad yang ditubuhkan awal Disember lalu bagi membantu anak ahli melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi.

Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata bagi membolehkan hasrat mengumpul jumlah itu tercapai, jentera MIC di semua daerah di negara ini sudah bersiap sedia untuk menjalankan kutipan.

"Saya percaya dalam tempoh dua bulan lagi, kita akan mengadakan beberapa mesyuarat di beberapa daerah untuk mengutip (bagi dikumpulkan dalam koperasi).

"Ini (penubuhan koperasi) adalah selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat menabung," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Permas Jaya, di sini, petang ini.

Awal Disember lalu, MIC melancarkan penubuhan Koperasi Didik Berhad yang bertujuan membantu anak ahli parti dan koperasi melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi.

Setiap ahli MIC dan koperasi perlu menyimpan RM25 sebulan untuk seorang anak dalam koperasi itu.

Melalui penubuhan koperasi itu, anak ahli yang berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi layak menerima pinjaman tiga kali ganda daripada jumlah simpanan dan kadar faedah.

Jika anak ahli tidak berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi, mereka boleh mengeluarkan simpanan selepas 10 tahun.

(END)